# BAB XII

# BAYARAN SAGU HATI BAGI PELAKSANAAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK)

**"Berbahagialah orang yang menjadi tuan untuk dirinya,** menjadi pemandu untuk nafsunya dan menjadi kapten untuk bahtera hidupnya."

*Saidina Ali*

# BAYARAN SAGUHATI BAGI PELAKSANAAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK)

## 1.0 TUJUAN

Tatacara ini disediakan untuk menerangkan peraturan yang perlu dipatuhi oleh semua PTJ mengenai bayaran saguhati kepada pegawai yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi semua jenis perkhidmatan.

## 2.0 PELAKSANAAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

a) Pelaksanaan PTK melibatkan penubuhan Lembaga Penilaian Kompetensi seperti Lembaga Penilaian Kompetensi Perkhidmatan Awam, Lembaga Penilaian Kompetensi Kementerian, Lembaga Penilaian Kompetensi Perkhidmatan Gunasama Di Bawah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Lembaga Penilaian Kompetensi Perkhidmatan Gunasama Di Bawah Akauntan Negara.

b) Lembaga ini bertanggungjawab menetapkan dasar dan meluluskan sukatan peperiksaan serta kurikulum kursus. Di samping itu, beberapa Panel Peperiksaan dan Panel Penilaian Kursus yang bertanggungjawab menggubal kurikulum kursus, menetapkan soalan, menilai prestasi pegawai dan mengesahkan keputusan ujian kursus dan peperiksaan.

## 3.0 BAYARAN SAGUHATI BAGI PELAKSANAAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK) ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT- SYARAT BERIKUT:

a) Bayaran saguhati kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan PTK adalah ditetapkan seperti jadual di Lampiran A.

b) Selain daripada peperiksaan PTK, peperiksaan perkhidmatan dan peperiksaan yang dijalankan oleh

Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan juga menggunakan kadar bayaran saguhati yang sama seperti di Lampiran A.

**LAMPIRAN A**

## KADAR BAYARAN SAGUHATI PELAKSANAAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK)

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>PEGAWAI YANG TERLIBAT</th><th colspan="2">KADAR BAYARAN SAGUHATI (RM)</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam (LPPA)/Lembaga Peperiksaan Kementerian/Lembaga Peperiksaan Penilaian Kompetensi</td><td colspan="2">Bayaran menghadiri mesyuarat sebanyak RM150 sekali mesyuarat.<br>(*Urus setia tidak layak diberi bayaran ini)</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Panel Penggubalan Sukatan Penilaian/Panel Penggubalan Sukatan Peperiksaan/Panel Penilaian/Panel Peperiksaan</td><td colspan="2">Bayaran menghadiri Mesyuarat sebanyak RM100 sekali mesyuarat.<br>(*Urus setia tidak layak diberi bayaran ini)</td></tr>
<tr><td rowspan="2">3.</td><td rowspan="2">Panel Penilaian PPK</td><td>Kumpulan Pengurusan & Profesional<br><u>Simulasi Mengajar</u><br>- Persembahan Individu<br>- Persembahan Kumpulan<br>- Pengucapan Awam/Public Speaking<br><br><u>Kerja</u><br>- Penilaian Pengurusan<br><br><u>Teknikal</u><br>- Penilaian Personaliti</td><td>i. RM50 sejam bagi urusan penilaian dengan maksimum RM1,000 bagi satu tempoh penilaian.<br><br>ii. Tambahan RM25 sejam dengan maksimum RM500 bagi penilaian sesi Pengucapan Awam/Public Speaking, Perbincangan Kumpulan dan Persembahan Kumpulan.</td></tr>
<tr><td>Kumpulan Sokongan<br>Perbincangan Kes<br>- Temuduga Berkumpulan<br>- Simulasi Mengajar<br>- Penilaian Pengurusan Kerja<br>- Penilaian Pengurusan</td><td>i. RM25 sejam bagi urusan penilaian dengan maksimum RM500 bagi satu tempoh penilaian.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>PEGAWAI YANG TERLIBAT</th><th colspan="3">KADAR BAYARAN SAGUHATI (RM)</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>Teknikal<br>- Penilaian Personaliti</td><td colspan="2"></td></tr>
<tr><td rowspan="3">4.</td><td rowspan="3">Urusan Penilaian/Peperiksaan<br><br>i. Penyelaras Pusat/Pengawas</td><td rowspan="3">i. Penyelaras Pusat Peperiksaan /Ketua Pengawas<br><br>ii. Penolong Penyelaras Pusat Peperiksaan/Pengawas<br><br>(*Urus setia tidak layak diberi bayaran ini)</td><td>Peperiksaan /Penilaian Sesi Pagi (sehingga pukul pukul 1.00 tgh)</td><td>Peperiksaan/ Penilaian Sesi Petang (mulai pukul 2.00 ptg)</td></tr>
<tr><td>RM40 satu sesi<br><br>RM30 satu sesi</td><td>RM20 satu sesi<br><br>RM15 satu sesi</td></tr>
<tr><td colspan="2">(*Seseorang pegawai layak bayaran dua sesi (pagi dan petang) sekiranya waktu peperiksaan bagi kedua-dua sesi pada hari tersebut berjumlah tidak kurang daripada 4 jam).</td></tr>
<tr><td rowspan="3"></td><td rowspan="3">ii. Penggubal Soalan/ Rencana</td><td rowspan="3">i. Soalan esei dengan skema jawapan<br>ii. Soalan objektif/ pendek / isi tempat kosong dengan skema jawapan<br>iii. Soalan perbincangan kes dengan skema jawapan<br>iv. Soalan temu duga berkumpulan dengan skema jawapan<br>v. Soalan simulasi mengajar dengan skema jawapan<br>vi. Rencana ujian trengkas dan</td><td>Peperiksaan / Penilaian Kumpulan Pengurusan & Profesional</td><td>Peperiksaan / Penilaian Kumpulan Sokongan</td></tr>
<tr><td>RM40 satu soalan<br>RM30 satu soalan<br><br>RM40 satu soalan<br><br>RM40 satu soalan<br><br>RM40 satu soalan</td><td>RM30 satu soalan<br>RM20 satu soalan<br><br>RM30 satu soalan<br><br>RM30 satu soalan<br><br>RM30 satu soalan</td></tr>
<tr><td colspan="2"></td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>PEGAWAI YANG TERLIBAT</th><th colspan="3">KADAR BAYARAN SAGUHATI (RM)</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>penyediaan skim markah bagi kederasan:<br>- ≥ 100 perkataan seminit<br>- < 100 perkataan seminit<br><br>vii. Rencana ujian menaip</td><td colspan="2">RM80 satu rencana<br>RM70 satu rencana<br><br>RM50 satu rencana</td></tr>
<tr><td></td><td>iii. Pemeriksa Kertas Jawapan/ Trengkas / Taipan</td><td></td><td>Peperiksaan / Penilaian Kumpulan Pengurusan & Profesional</td><td>Peperiksaan / Penilaian Kumpulan Sokongan</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>i. Kertas jawapan esei<br><u>Masa Kertas</u><br>- kertas ≥ 3 jam<br>- kertas ≥ 2 jam < 3 jam<br>- kertas ≥ 1 jam < 2 jam<br>- kertas < 1 jam</td><td>RM6 satu kertas<br>RM5 satu kertas<br>RM4 satu kertas<br>RM3 satu kertas</td><td>RM5 satu kertas<br>RM4 satu kertas<br>RM3 satu kertas<br>RM2 satu kertas</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>ii. Kertas Projek/ Kertas Tugasan Generik/ Fungsional/ Kertas Penilaian<br>- 20-25 muka surat<br>- 15-19 muka surat<br>- 14 muka surat ke bawah</td><td>RM5 satu kertas<br>RM4 satu kertas<br>RM3.50 satu kertas</td><td>-<br>-<br>-</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>iii. Kertas Renungan</td><td>RM3 satu kertas</td><td>-</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>iv. Kertas soalan objektif /pendek / isi tempat kosong</td><td>5 sen satu soalan</td><td></td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>PEGAWAI YANG TERLIBAT</th><th colspan="3">KADAR BAYARAN SAGUHATI (RM)</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>v. Kertas trengkas taip bagi kederasan<br>- ≥ 100 perkataan seminit<br>- < 100 perkataan seminit<br>vi. Kertas taipan ujian menaip<br>(*Sekiranya lebih daripada seorang terlibat, bayaran dibahagikan mengikut bilangan orang)</td><td colspan="2"><br><br>RM2.50 satu rencana<br><br>RM1.50 satu rencana<br><br>RM1.50 satu rencana</td></tr>
<tr><td></td><td>iv. Pembaca Rencana</td><td>Rencana Ujian Trengkas<br>- ≥ 100 perkataan seminit<br>- < 100 perkataan seminit</td><td colspan="2"><br>RM80 satu rencana<br><br>RM70 satu rencana</td></tr>
<tr><td rowspan="3">5.</td><td rowspan="3">Urusan Peperiksaan Secara Lisan / Amali / Pemerhatian / Temuduga / Penilaian Pemahaman Dalam Kumpulan</td><td rowspan="3">Bayaran pemeriksa lisan/amali/ Pemerhatian/ temuduga</td><td>Peperiksaan /Penilaian Sesi Pagi (sehingga pukul pukul 1.00 tgh)</td><td>Peperiksaan /Penilaian Sesi Petang (mulai pukul 2.00 ptg)</td></tr>
<tr><td>RM40 satu sesi</td><td>RM20 satu sesi</td></tr>
<tr><td colspan="2">(*Seseorang pegawai layak bayaran dua sesi (pagi dan Petang) sekiranya waktu peperiksaan bagi kedua-dua sesi pada hari tersebut berjumlah tidak kurang daripada 4 jam)</td></tr>
</table>